

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 25 MEI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	PERUBAHAN LPP DITERUSKAN, TIDAK PATAH BALIK, NEWS, SELANGORKU -6 LPP CHANGES TO GO AHEAD, NO TURNING BACK – SALAHUDDIN, NEWS, BERNAMA -4 LPP CHANGES TO GO AHEAD, NO TURNING BACK – SALAHUDDIN, NEWS, KL SCREENER -10 KEMENTERIAN BANTU ATASI LAMBAKAN HARUMANIS, ISU, BH -12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
5. 6. 7.	KERJASAMA ATASI LAMBAKAN HARUMANIS, DALAM NEGERI, UM -43 TIDAK HARUS BANGKIT ISU LAMBAKAN, DALAM NEGERI, UM -43 'NO OVERSUPPLY OF HARUMANIS, NATION, NEWS, NST -15	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	JUALAN IKAN SEGAR LARIS, SENTRAL, SH -22	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
9. 10. 11.	BERNAS EDAR 5,000 BUBUR LAMBUK, SETEMPAT, HM -36 BERNAS AGIH BUBUR LAMBUK RESIPI 10 NEGARA, SEMARAK RAMADHAN, BH -9 BERNAS EDAR 5,000 BUBUR LAMBUK RESIPI ANTARABANGSA, SENTRAL, SH -20	PADIBERAS NASIONAL (BERNAS)
12. 13. 14. 15.	BERTANI WAKTU MALAM? BEREH BOHI, RENCANA, UM -15 100 TRUCK UNDER TRAK TANI WILAYAHKU PROGRAMME TO MOVE IN ROTATIPN ACCORDING TO, CENTRAL, CHINA PRESS -C3 DANA RM1.4J LULUS DALAMKAN MUARA SUNGAI, ISU, BH -21 EMPAT PENYANYI SAHABAT DURIAN, BLING, HM -62	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Perubahan LPP diteruskan, tidak patah balik		
MediaTitle	Selangorku (www.selangorku.com)		
Date	25 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	6	Readership	5
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,050
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,150

Perubahan LPP diteruskan, tidak patah balik

KUALA LUMPUR, 24 Mei: Pelaksanaan pindaan terhadap Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 adalah untuk kebaikan semua pihak di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) khususnya untuk kepimpinan pertubuhan itu, kata Menteri Pertanian dan Ind...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	LPP changes to go ahead, no turning back - Salahuddin		
MediaTitle	Bernama(www.bernama.com)		
Date	25 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

LPP changes to go ahead, no turning back - Salahuddin

KUALA LUMPUR, May 24 (Bernama) -- The amendments of the Farmers' Organisation Regulations 2019 are for the good of all parties under the Farmers' Organisation Authority (LPP) said Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub. Salahu...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	LPP changes to go ahead, no turning back — Salahuddin		
MediaTitle	KL Screener (https://www.klsescreener.com)		
Date	25 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

LPP changes to go ahead, no turning back — Salahuddin

KUALA LUMPUR (May 24): The amendments of the Farmers' Organisation Regulations 2019 are for the good of all parties under the Farmers' Organisation Authority (LPP), said Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub. Salahuddin said ...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Kementerian bantu atasi lambakan harumanis

Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) bersedia bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam usaha membantu mengelak lambakan mangga harumanis.

Menterinya, Datuk Seri Redzuan Md Yusof, berkata pihaknya mewujudkan majlis tertentu untuk bekerjasama dengan kementerian lain bagi menangani isu berbangkit.

Katanya, kementerian turut menyelaraskan agenda ini supaya isu membabitkan keusahawanan dapat dibincang lebih holistik.

"Kita akan bekerjasama dengan MOA, contohnya akan buat penetapan harga buah berkenaan.

"Selain itu, kita akan guna kaedah lain seperti lebihan buah boleh dijadikan buah kering, contohnya 70 peratus buah harumanis dijual secara segar dan bakinya dijadikan buah kering untuk kekang masalah lambakan buah ini," katanya selepas melancarkan Mood Republik KL Raya Fest 2019, di sini, semalam.

+ Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Mood Republik, Kimi Iskandar Ismail, usahawan selebriti, Datuk Seri Dr Hasmiza Othman dan Datuk Seri Aliff Syukri Kamarzaman serta pereka fesyen, Datuk Jovian Mandagie.

Dua kementerian bergabung bantu petani di Perlis

Kerjasama atasi lambakan harumanis

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 24 MEI

KEMENTERIAN Pertanian Pembangunan Usahawan bersedia bekerjasama dengan pelbagai agensi lain termasuk Kementerian Pertanian Industri Asas Tani bagi membantu mengatasi masalah lambakan buah-buahan termasuk mempelam harumanis.

Menterinya, Datuk Seri Mohd. Redzuan Yusof berkata, kementerian itu akan mengenal pasti inisiatif yang boleh digunakan pengusaha dan usahawan termasuk inovasi baharu serta pamasaran bagi mengurangkan masalah tersebut.

Beliau berkata, pihak kementerian juga akan menjalinkan kerjasama pihak lain termasuk usahawan di Perlis

untuk mengenal pasti produk yang boleh dihasilkan daripada mempelam harumanis.

"Pendekatan dan kaedah pamasaran akan dibantu. Malah, kita mungkin boleh wujudkan penetapan harga untuk buah tersebut supaya harga tidak jatuh.

"Di samping itu, buah berkenaan mungkin boleh dihasilkan sesuatu sebagai nilai tambah. Sebagai contoh, menjadikan ia sebagai buah mangga kering. Jadi kita boleh pecahkan beberapa peratus untuk pasaran buah mentah dan begitu juga untuk hasil produk lain. Ini dapat mengelakkan adanya lambakan dan kejatuhan harga," katanya selepas menghadiri majlis perasmian Mood Republik KL Raya Fest 2019 di sini hari ini.

Dalam pada itu, Mohd. Redzuan berkata, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional telah me-

nyalurkan sebanyak RM140 juta sehingga April lalu bagi membantu membiayai dana perniagaan usahawan.

Menurutnya, jumlah tersebut mempunyai pertambahan sebanyak RM40 juta berbanding peruntukkan kerajaan sebanyak RM100 juta di bawah Bajet 2019.

"Penambahan sebanyak RM40 juta diberikan kerana berjaya menerima pulangan semula daripada pinjaman yang turut membantu kami sehingga berjaya mengumpul RM160 juta.

"Ini semua langkah daripada kami untuk mengembangkan perniagaan termasuk rangkaian saluran milik TEKUN Nasional dalam mengatasi masalah orang tengah. Setakat ini, kami membuka rangkaian kedai pertama di Terminal Bersepadu Selatan (TBS) dan merancang untuk membuka di negeri Pantai Timur, Selangor, dan Johor," katanya.



MOHD. REDZUAN YUSOF (tengah) bersama peniaga dalam majlis perasmian Mood Republik KL Raya Fest 2019 di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ROHAIDA ZULKIFLI

Harga jatuh sehingga RM10 sekilogram

Lambakan harumanis menjelang Aidilfitri?

MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 24 MEI

KERJA RUSA 70 pengusaha mempelam harumanis di Perlis Mata Ape di sini ini menghadapi masalah lambakan buah-buahan menjelang Aidilfitri. Harga mempelam harumanis di Perlis jatuh sehingga RM10 sekilogram.



KERATAN
Utusan
Malaysia
semalam.

Tidak harus bangkit isu lambakan

KANGAR 24 MEI - Tindakan segelintir pengusaha yang membangkitkan soal lambakan dan kejatuhan harga mempelam harumanis bakal menyebabkan industri dan permintaan terhadap buah berkenaan terjejas.

Pengerusi Persatuan Harumanis Perlis, Datuk Hashim Suboh berkata, sebaliknya lambakan buah berkenaan tidak pernah berlaku malah permintaannya setiap tahun terus meningkat.

Katanya, tindakan segelintir petani membangkitkan soal lambakan dan kejatuhan harga harumanis, menyebabkan majoriti pengusaha lain yang giat memasarkan buah tersebut merasa kecewa serta tertekan.

"Saya melihat tindakan segelintir pengusaha membangkitkan soal lambakan itu adalah bagi menarik perhatian FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) untuk membeli buah mereka.

"Namun tanpa disedari tindakan seperti ini menyebabkan berlakunya keadaan cemas di dalam pasaran," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan, kira-kira 70 pengusaha harumanis di Felda Mata

Ayer di sini resah kerana hasil tanaman mereka dikuatiri bakal mengalami lambakan sehingga mencecah 10 tan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

Lambakan tersebut menyebabkan pengusaha tanaman kelompok di kawasan seluas 51.47 hektar itu, dijangka mengalami kerugian sehingga mencecah RM280,000 iaitu hanya dalam tempoh tidak sampai dua minggu lagi.

Lebih memburukkan keadaan, FAMA dikatakan tidak dapat membeli dan memasarkan semua buah daripada pekebun, sebaliknya hanya mengambil yang berkualiti premium sahaja.

Hashim berkata, pengusaha juga perlu memastikan hanya buah yang berkualiti dan tidak rosak ketika ingin menjual kepada FAMA atau pihak-pihak lain bagi memberi keadilan kepada golongan pembeli.

"Tidak bolehlah kita kumpul semua dan berharap pembeli mengambil semua buah meskipun ada (buah) yang tidak elok dan berkualiti.

"Saya harap soal lambakan ini tidak dibangkitkan kerana harumanis sememangnya mendapat permintaan tinggi," katanya.



HASHIM SUBOH

ASSURANCE FROM FAMA

'NO OVERSUPPLY OF HARUMANIS'

Perlis farmers unable to sell their harvest can contact Fama, says D-G

NOR AIN MOHAMED RADHI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Federal Agriculture Marketing Board (Fama) refuted claims by farmers that there will be an oversupply of Harumanis mangoes ahead of Hari Raya Aidilfitri.

Its director-general, Datuk Ahmad Ishak, said the claims were baseless and called on farmers who were unable to sell their Harumanis mangoes to contact Fama.

"It is not true that there will be an oversupply of Harumanis mangoes in the state (Perlis, a major producer of Harumanis mangoes). However, should the farmers have problems selling their fruits, they can come to us," he told the *New Straits Times* yesterday.

"In terms of marketing the Harumanis

mangoes, various parties are involved, including private and government agencies."

Ahmad said there was no issue of oversupply because the demand for Harumanis remained the same.

He said Fama purchase centres were open seven days a week, including a day before and after Hari Raya to allow the farmers to sell their Harumanis mangoes.

On claims that Fama accepted only Harumanis of the premium quality, Ahmad said that Fama bought Harumanis mangoes and categorised them according to grades, namely premium, first grade and second grade.

He said Fama did not compromise on Harumanis grades.

"When the farmers send their fruits, we will buy them according to the grades.

"We can't buy Harumanis on a flat-rate price.

"We cannot market low-quality fruits to customers as this will tarnish the state's image in the industry and impact consumers' trust on Harumanis mangoes," he said, adding the fruits were sold according to grades and prices.



Harumanis mangoes are categorised into premium, first grade and second grade.

Harumanis thrives in Perlis due its hot and dry weather.

This year, the total yield is expected to be 2,300 metric tonnes.

A Malay daily had reported that there would be an oversupply of Harumanis mangoes ahead of the festive season.

Some 70 Harumanis farmers at Felda Ma-

ta Ayer in Padang Besar claimed that there would be an oversupply of up to 10 tonnes, with estimated losses of RM280,000.

The farmers also claimed that Fama was unable to buy all the Harumanis mangoes and could only take the premium quality types, causing the price to drop between RM10 and RM15 per kg.

Jualan ikan segar laris

300 kilogram dijual dalam masa 15 minit

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Hampir 300 kilogram (kg) ikan segar ditawarkan potong harga sehingga 50 peratus habis terjual dalam masa tidak sampai 15 minit pada Promosi Jualan Ikan di Pasar Nelayan Sepat semalam.

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh berkata, antara ikan yang dijual adalah Bawal hitam yang dijual RM20 sekilogram (RM25 harga asal); cencaru RM6 kg daripada RM10, kerisi RM4 kg (RM7), Pelaling RM6/kg (RM8) dan sotong RM124 kg (RM28) serta ikan Tongkol RM12 kg berbanding RM18 kg.

Menurutnya, promosi penjualan ikan tersebut sebagai usaha meringankan beban pengguna bagi membeli barangan keperluan seharian.

"Hari ini (semalam) kita dapat lihat penduduk setempat mengambil kesempatan untuk mem-



Fuziah (tengah) dan Rashima menimbang ikan yang ingin dibeli pengunjung sewaktu berlangsungnya program itu di Pantai Sepat semalam.

bedi ikan yang dijual oleh nelayan di sini dengan pembelian secara pantas.

"Saya juga difahamkan pihak Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM) Pahang turut menyumbangkan ikan bagi tujuan penjualan murah itu menerusi kerjasama dengan nelayan di sini," katanya selepas merasmikan Promosi Jualan Ikan di Pasar Nelayan Sepat semalam.

Hadir sama, Pengarah LKIM Pahang, Rashima Baharuddin,

Fuziah berkata, kebanyakan pengunjung membeli ikan tongkol pada sesi penjualan ikan segar itu.

"Mungkin pengguna akan memasak ikan ini untuk juadah berbuka nanti. Sekurang-kurangnya mereka dapat membeli dengan harga murah," katanya.

Sementara itu, seorang pengunjung, Azizah Abu Bakar, 57, berkata, sebaik sahaja mengetahui ada jualan ikan murah di

Pantai Sepat dia segera bergegas ke jeti nelayan tertabit.

"Makcik borong banyak ikan tongkol sebab mahu menyedia nanti.

"Selain itu, makcik juga membeli sotong dan ikan cencaru untuk juadah berbuka nanti," katanya.

Ibu kepada lima anak itu berharap agar program sebegini diteruskan pada masa akan datang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/5/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	36



KAKITANGAN Bernas menyusun bubur lambuk untuk diagihkan di Pasar Seni.

Bernas edar 5,000 bubur lambuk

Kuala Lumpur: Padiberas Nasional (Bernas) tampil dengan kelainan apabila mengedarkan bubur lambuk yang diinspirasi dari 10 negara Asia sempena Ramadan ini.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporatnya, Norliza Mat Isa berkata, konsep itu dipilih bagi memberi kelainan kepada bubur lambuk yang menggunakan pelbagai produk beras Bernas.

Menurutnya, tahun ini sebanyak 5,000 bungkus bubur lambuk diedarkan ka-

kitangan syarikat berkenaan di Pasar Seni sejak jam 3.30 petang semalam.

“Bubur lambuk diinspirasi dari pelbagai negara Asia antaranya Jepun, Korea, Thailand, China serta Kemboja yang dimasak menggunakan pelbagai produk beras Bernas.

“Tahun ini, 10 periuk bubur lambuk dimasak lebih 30 kakitangan Bernas secara gotong-royong sejak jam 9 pagi,” katanya ketika ditemui selepas program agihan semalam.

Katanya, Pasar Seni dipilih kerana lokasi ini menjadi tumpuan pelbagai lapisan masyarakat selain pelancong dari luar negara.

Tambahnya, ia sekali gus dapat membantu mempromosikan juadah Malaysia yang menggunakan produk beras Bernas.

“Seperti tahun sebelum ini, Bernas akan terus melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat dalam usaha mendekatkan masyarakat dengan syarikat berkenaan,” katanya.

BERNAS agih bubur lambuk resipi 10 negara

(FOTO NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN/BH)



Julainie bersama Norliza mengagihkan bubur lambuk kepada pelancong pada program Ikhlas BERNAS Bubur Lambuk Antarabangsa di Pasar Seni, Kuala Lumpur, semalam.

Kuala Lumpur: Sempena Ramadan, Padiberas Nasional (BERNAS) dengan kerjasama Pasar Seni menyediakan 10 peruk bubur lambuk daripada resipi 10 negara pada program Ikhlas BERNAS Bubur Lambuk Antarabangsa.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporatinya, Norliza Mat Isa, berkata juadah berkenaan diagihkan kepada 5,000 pengunjung menggunakan pelbagai beras yang dijual di pasaran.

Guna beras bermutu

Beliau berkata, aktiviti tanggungjawab sosial itu disempurnakan 30 tukang masak terdiri daripada warga BERNAS dan Pasar Seni menggunakan beras bermutu.

Katanya, pilihan beras yang digunakan iaitu beras merah, beras perang, beras hitam, beras putih, beras basmati, beras wangi, beras pulut dan beras calrose.

"Pada masa sama, pengunjug diberi penerangan mengenai pandumuan memilih beras secara sihat

mengikut keperluan makanan harian. Lokasi pengagihan di kawasan letak kereta Pasar Seni kerana kedudukannya berhampiran hab pengangkutan awam seperti laluan transit aliran ringan atau LRT, komuter dan bas.

"Tempat agihan itu juga menjadi tumpuan warga kota dan pelancong asing. Lebih menarik, pelancong asing berpeluang bersama-sama memasak, seterusnya mengagihkan bubur lambuk mulai jam 3.30 petang.

"Bubur lambuk sinonim dalam kalangan masyarakat Islam ketika berbuka. Sajian tinggi serat dan protein memberi tenaga tambahan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Bahagian Perancangan Strategik BERNAS, Datuk Julainie Mohd Salleh.

Norliza berkata, pihaknya mengharapkan program ini memberi pengetahuan kepada orang ramai mengenai kepelbagaian khasiat beras dalam diet seimbang.

Bemas edar 5,000 bubur lambuk resipi antarabangsa

KUALA LUMPUR - Paderbas Nasional (Bemas) dengan kerjasama Pasar Seni mengagihkan lebih 5,000 bubur lambuk yang dimasak daripada pelbagai jenis beras dan resipi antarabangsa semalam.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Bemas Norliza Mat Isa berkata, aktiviti di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Bemas itu menyaksikan sebanyak 10 periuk bubur lambuk dimasak oleh warga kerja

Bemas dan Pasar Seni menggunakan pelbagai jenis beras yang berada di pasaran.

"Menyedari ramai rakyat Malaysia giat menjalani hidup cara pemakanan sihat, sebanyak 10 jenis bubur lambuk antarabangsa yang diagihkan ini dimasak dengan menggunakan pelbagai variasi beras yang tinggi khasiat serta sihat seperti beras merah, beras perang, beras hitam dan beberapa jenis beras lagi," katanya.

Menurutnya, antara yang diagihkan ialah bubur lambuk yang menggunkan beras perang yang kaya dengan serat dan antioksidan.

"Bemas turut menyediakan Bubur Siam atau Juk yang menggabungkan beras merah dan putih tempatan yang mana beras merah ini berkhasiat untuk kesihatan tubuh dan baik untuk mengatasi masalah stress.

"Bemas turut mengagihkan Bubur Nombu Kanji daripada India, Bubur Barobba Cara Bugis, Indonesia, Bubur Dakjuk Korea Selatan, Bubur Okayu Jepun, Bubur Congee Ayam dan Halia daripada China dan bubur Khmer Bor Bor," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media pada program pengagihan bubur lambuk di Pasar Seni, Kuala Lumpur semalam.

Turut hadir, Ketua Korporat Strategik Bemas, Datuk Julainie Mohd Salleh.

Menurutnya, Pasar Seni dipilih sebagai lokasi



Orang ramai tidak melepaskan peluang mendapatkan bubur lambuk daripada Bemas.

agihan bubur lambuk kedudukannya sebagai hab pengangkutan awam seperti LRT, komuter dan bas yang menjadi tumpuan warga Kuala Lumpur serta pelancong dalam dan luar negara.

Beliau berkata, sambutan yang diterima daripada masyarakat setempat dan pelancong luar terhadap program itu amat menggalkan.

"Program ini diharap

Dua pelancong ini teruja untuk menikmati bubur lambuk antarabangsa yang didedarkan Bemas.

dapat memberi pengetahuan yang lebih mendalam kepada orang ramai mengenai jenis-jenis beras yang berkhasiat untuk orang ramai," katanya.



Pelancong tidak ketinggalan mendapatkan bubur lambuk antarabangsa yang didedarkan Bemas semalam.

25/5/2019

UTUSAN
MALAYSIA

RENCANA

15



ABDUL SHUKOR

“

Bertani pada waktu malam juga lebih selesa. Kalau siang suhunya antara 33 hingga 37 darjah Celcius, malam pukul 10 atau 11 biasanya 25 darjah Celcius. Sayur juga tahan lebih lama, boleh terus bungkus sebaik sahaja dipetik dan masukkan ke bilik sejuk untuk dipasarkan dalam keadaan segar.

Bertani waktu malam? Bereh boh!



Apa Cer...

ZABRI MOHAMAD MADZLAN

TAK masuk akal? Sabar, jangan cepat melatah. Ini bukan benda baharu. Cadangan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk memperkenalkan beberapa inisiatif baharu termasuk pertanian pada waktu malam bagi membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja warga asing sebenarnya sudah pun dibuat sejak zaman nenek moyang kita.

Kata Dekan Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Abdul Shukor Juraimi, ada dalam kalangan ibu bapa kita sendiri pernah mempraktikkannya. Menoreh getah misalnya, pukul 4 pagi mereka sudah keluar rumah dalam keadaan gelap gelita.

Tujuannya bagi membolehkan susu getah keluar banyak. Lagipun suhu pada waktu itu cukup nyaman. Memanglah gelap tetapi pekok getah yang ditanam sederet memudahkan pergerakan penoreh. Guna lampu suluh yang diletakkan di kepala sudah memadai.

“Pukul 10 pagi mereka sudah habis kutip susu getah, kemudian proses getah di bawah teduhan (bangunan). Pukul 11, 12 tengah hari selesai semuanya.

“Dalam tempoh enam jam selesai semua kerja, mereka boleh balik rumah,” katanya ketika ditemui di pejabatnya di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Di negara-negara yang mempunyai empat musim di mana ada kala waktu siangnyanya begitu pendek, para petani di sana sudah biasa bekerja dalam cuaca gelap. Tiada masalah pun malahan hasil pengeluaran tetap memberangsangkan.

Apa yang penting, aktiviti pertanian itu sendiri kerana ada yang sesuai dilaksanakan pada waktu malam, ada juga yang tidak praktikal. Juga mesti bersifat pertanian moden seperti kaedah pertanian pintar, menegak atau bandar.

Misalnya yang menggunakan rumah hijau, mereka boleh menuai dan membaja pada sebelah malam. Keadaan di dalam rumah hijau juga terkawal, cukup segala kemudahan seperti lampu. Di Cameron Highlands memang ada yang mengusahakan pertanian sedemikian.

Sektor lain yang sesuai adalah pertanian intensif seperti fertisasi. Biasanya yang ditanam dalam polybag,

kawasan bersih tanpa semak samun serta saiz ladang tidak berapa luas. Menurut Abdul Shukor, beliau sendiri pernah melawat ladang cendawan yang melaksanakan kaedah pertanian pintar oleh MIMOS Sdn. Bhd. di Kundasang, Sabah.

Bertani pada waktu malam juga lebih selesa. Kalau siang suhunya antara 33 hingga 37 darjah Celcius, malam pukul 10 atau 11 biasanya 25 darjah Celcius. Sayur juga tahan lebih lama, boleh terus bungkus sebaik sahaja dipetik dan masukkan ke bilik sejuk untuk dipasarkan dalam keadaan segar.

Walaupun bagaimanapun, padi mungkin belum sesuai diusahakan pada waktu malam kerana kawasannya luas. Waktu malam juga agak bahaya kerana biasanya haiwan berbisa seperti ular keluar mencari makan, justeru ada sedikit kesusahan dari segi keselamatan pesawah.

KUALITI

Kecualilah menggunakan kaedah moden seperti rumah hijau, namun di negara kita padi ditanam di bendang. Tapi di Jepun sudah dipraktikkan.

Begitu juga kelapa sawit. Pekebun terdedah kepada serangan haiwan liar seperti babi hutan dan ular pada waktu malam. Lagipun ladang kelapa sawit sangat luas, pastinya sukar dikawal. Jekasnya, tidak secesti

petani terhad bekerja pada sebelah malam sahaja. Mereka boleh mengatur jadual kerja mengikut kesesuaian masing-masing. Misalnya petani boleh turun selepas pukul 5 petang semasa matahari mulai terbenam. Pada waktu ini suhu tidak panas.

“Pukul 7.30 malam berhenti rehat untuk solat maghrib, pukul 9 berhenti rehat pula untuk makan dan isyak. Pukul 1 pagi selesai, cukup kerja lapan jam.

“Pukul 2 pagi sudah boleh masuk tidur. Masih lagi boleh dapat kualiti tidur yang mencukupi,” ujarnya.

Abdul Shukor memberitahu, penggunaan teknologi canggih yang melibatkan gajet mampu menarik minat golongan belia untuk menceburi bidang pertanian pintar. Anak-anak muda pastinya teruja kerana tidak lagi perlu berpanas di bawah terik matahari.

Boleh menggunakan telefon bimbit sahaja untuk memantau tanaman, membekalkan air dan baja, mencegah serangan serangga perosak, mengawal suhu dan sebagainya. Nak sembur racun pun boleh guna *dron*.

Semuanya hanya di hujung jari. Begitu juga ternakan dalam bangunan atau reban. Kita boleh jaga makan minum haiwan ternakan, pantau makanan serta penyakit

dengan guna gajet sahaja.

Bellau mencadangkan kerajaan mendirikan ladang pintar contoh untuk dijadikan model pertanian waktu malam. Dari situ, orang ramai boleh melihat sendiri kaedahnyanya.

Ini semua tidak mustahil dilakukan dengan adanya inisiatif daripada kerajaan disokong sistem-sistem sedia ada. Sudah sampai masanya kita berbuat demikian memandangkan negara sedang memasuki era Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0).

Selain itu katanya, hasil pengeluaran makanan negara kita pun bukanlah membanggakan sangat. Beras masih diimport sebanyak 30%. Pengeluaran daging lembu pun kita hanya 23% manakala kambing 10%.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai supaya melihat cadangan Perdana Menteri tersebut secara positif. Pertanian waktu malam tidak mustahil diusahakan di negara ini tetapi bergantung juga kepada jenis tanaman.

Kalau nak bagi alasan bertani pada waktu malam takut menjadikan seseorang tiada masa bersosial, hari Sabtu dan Ahad masih ada untuk berbuat demikian.

Orang yang kerja syif pun tiada masalah, apatah lagi petani yang bekerja sendiri. Usaha ini jika semua negara

BUKAN semua aktiviti pertanian sesuai dilaksanakan pada waktu malam; ada juga yang tidak praktikal. - GAMBAR HIASAN/ AFP



Headline	100 trucks under Trak Tani Wilayahku programme to move in rotation according to		
MediaTitle	China Press		
Date	25 May 2019	Color	Full Color
Section	Central	Circulation	127,822
Page No	C3	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	120 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,367
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,101



100輛流動農業市集貨車 輪流駐紮布城隆區

(布城24日讯)沿用流动餐车概念,“我的直辖区”流动农业市集货车入驻布城和吉隆坡数个地点,让民众购买日常食物如鸡、鱼及水果,价钱还比市价低於20%。

联邦直辖区部长卡立沙末今日在布城,为流动市集货车主持推介礼,约有100辆货车依照日程安排,轮流驻扎经营。

他说,“我的直辖区”流动农业市集货车以临近、便宜又新鲜的概念,将联邦农粮销售局(FAMA)的优秀农产品带给消费者。

流动农业市集货车每逢星期一下午4时至6时,在布城管理机构及Parcel E营业,每逢星期三则在农业与农基工业部及Parcel C驻扎,星期四在辉煌广场(Dataran Gemilang)营业。

市集供应金马伦的蔬菜及霹靂州的水果,甚至还配合“欢乐时光”,在指定时段以更低价钱出售货品。

pressreader

PRINTED AND DISTRIBUTED BY PRESSREADER
PressReader.com +1 604 278 4604

Dana RM1.4j lulus dalamkan muara sungai

➔ Peruntukan melalui JPS untuk selesai masalah lumpur mendap

Oleh **Adha Ghazali**
adha@bh.com.my

■ **Langkawi**

Sejumlah RM1.4 juta peruntukan dibelanjakan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mendalamkan muara sungai di sekitar daerah ini, yang mengalami mendapan lumpur serius sehingga turut menjejaskan operasi nelayan pantai.

Jurutera JPS Daerah Langkawi, Mohamad Suzaimi Ramli, berkata peruntukan itu adalah sebahagian RM15.3 juta yang dicadangkan. Pihaknya sebagai kaedah penyelesaian sederhana untuk lapan muara

ra sungai yang disenarai mengalamai mendapan lumpur serius.

Ketapan-lapan muara berkenaan, katanya, ialah Sungai Temomyong, Sungai Menghulu, Sungai Kelibang, Sungai Ranggut (Kuala Teriang), Sungai Kubang Badak, Sungai Pengkalangan, Sungai Chenang dan Sungai Pengkalangan Tepa, dengan jumlah nelayan pantai terjejas di semua lokasi melebihi 1,500 orang dan membabitkan hampir 1,000 bot.

"Ketulusan RM1.4 juta yang diterima itu akan diagihkan untuk kerja pengorekan empat muara iaitu Sungai Menghulu, Sungai Ranggut (Kuala Teriang) dan Sungai Chenang.

"Buat masa ini, projek mendalamkan muara sudah dimulakan di Sungai Temomyong membabitkan cadangan pengorekan larian sepanjang 500 meter, sebelum disusuli tiga lagi muara," katanya ketika dimintangi, di sini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan BH mengenai isu paras sungai cetek dan masalah mendapan lumpur serius yang mengganggu operasi bot nelayan pantai di sekitar pulau ini.



Kelulusan RM1.4 juta yang diterima itu akan diagihkan untuk kerja pengorekan empat muara iaitu Sungai Temomyong, Sungai Menghulu, Sungai Ranggut (Kuala Teriang) dan Sungai Chenang"

Mohamad Suzaimi Ramli,
Jurutera JPS Daerah Langkawi

Sebelum ini, tiga kaedah penyelesaian masalah itu dicadangkan. JPS membabitkan jangka panjang, sederhana dan pendek, dengan setiap satu menentukan skala impak projek serta tempoh ketahanan kerja dijalankan bagi sesuatu lokasi.

Mengenai dakwaan nelayan pantai bahawa kerja pengorekan dilakukan hanya mendatangkan impak sementara, beliau berkata penyelesaian jangka sederhana membabitkan kerja pengorekan secara menyeluruh di kawasan muara dan sebahagian sungai yang cetek.

Bantu kurangkan impak

"Ia dianggarkan dapat bertaburan antara setahun hingga lima tahun bergantung kepada kekuatan ombak dan kapasiti aliran sungai. Selain berbot dari segi kos, ia penting untuk mengurangkan impak mendapan lumpur serius ketika ini yang menyukarkan bot nelayan bergerak keluar masuk jeti," katanya.

Sementara itu, Tumbalangan Pengurusan Hidrologi Malaysia, Datuk Hanapi Mohamad Noor, ber-

kata aliran sungai kuat amat diperlukan untuk menolak lumpur ke laut, namun itu tidak berlaku di Langkawi yang mana kebanyakan mempunyai kawasan tadahan kecil.

Di Langkawi, katanya, mendapan lumpur dan pasir datang daripada pantai atau laut, berbeza dengan sungai besar di Kelantan, Terengganu atau Pahang contohnya yang mana mendapan hasil hakisan, pembuangan, pembukaan tanah dan pembalakan datang dari kawasan hulu sungai.

"Untuk kawal mendapan berpunca dari laut, kaedah pengorekan lumpur yang selalu dilakukan daerah ini boleh digunakan, namun untuk penyelesaian konkrit pembinaan struktur benteng pemecah ombak sangat sesuai.

"Masalahnya untuk menyalakan struktur itu kosnya sangat tinggi, bergantung kepada keluasan sungai. Biasanya kos boleh mencecah RM5 juta hingga RM10 juta," katanya yang juga bekas Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai JPS.

25/5/2019

HARIAN
METRO

BLING

62

EMPAT PENYANYI SAHABAT DURIAN



FOTO: ROSELA ISMAIL

DARI KANAN RAJA SYAHIRAN, Sissy, Fara dan Wani

Dipilih sempena
Festival dan
Anugerah Durian
Bangi Golf Resort

Sudirman Mohd Tahir
sudirman@hmetro.com.my

Bersempena penganjuran Festival dan Anugerah Durian Bangi Golf Resort pada 13 dan 14 Julai ini, empat penyanyi remaja tempatan iaitu Sissy Imann, Fara Hezel, Wani Kayrie dan Raja Syahiran dipilih sebagai



SISSY (kanan)
cuba mengupas
buah durian.

MESIN PENGISAR

- Motor berkuasa untuk operasi yang cepat & efisien
- Kaki bergetah untuk mencegah belatikan
- Mempunyai kawat pemadaman auto-Mikro

B-511

B-592

- Kapasiti 1.5L
- Watt: 1500W
- Boleh memadam suhu sehingga 100°C
- Rating IPX4 32000

B-516

LEA HIN CO. (PTE.) LTD. (M.S.B. No. 163-169, Jin Salim Arden Shah (Jin Spok), 51200 KL, Malaysia.
TEL: 603-4041 1880 FAX: 603-4041 0682 EMAIL: sales@butterfly1985.com www.butterfly1985.com

Sahabat Durian Festival. Pemilihan selebriti ini kerana mereka adalah peminat nombor satu durian selain turut serta dalam memeriahkan festival itu kelak.

Bagi Sissy Imann, dia gemar makan durian sejak kecil dan tidak pernah melepaskan peluang makan durian setiap kali tiba musim durian.

"Saya memang gemarkan durian sejak kecil lagi. Kalau nak tahu, arktib gambar saya sewaktu kecil banyak dengan durian. Itu sebab apabila pihak penganjur berjumpa, saya tunjuk gambar itu. Mereka pun mempelawa saya untuk terlibat dalam projek ini."

"Saya boleh habiskan dua biji seorang diri pada satu masa. Walaupun semua orang cakap durian panas, saya tak. Itu yang boleh makan banyak. Makanan berkaitan durian pun saya makan juga."

"Setiap kali makan durian, ia adalah peristiwa indah buat saya. Lagi satu, kedua saya juga peminat durian. Ada saja festival durian atau musim durian, kami takkan lepaskan pe-

luang," katanya. Sama seperti Sissy, penyanyi Wani Kayrie juga peminat raja buah itu sejak kecil, malah menyifatkan dirinya "bantu durian."

"Saya memang hantu durian sejak kecil. Saya sukakan durian kampung. Setiap kali Aidilfitri saya akan pulang kampung di Sabah dan di belakang rumah nenek pula ada pokok durian."

"Jangan terkejut kalau saya boleh habiskan durian dalam kuantiti banyak seorang diri. Orang cakap, bagi satu bakul pun saya boleh habiskan tanpa berkongsi. Jadi, apabila dipilih terlibat dalam program ini, saya sangat seronok. Dapat makan 'free' durian lagi," katanya.

Sementara itu, Pengarah Festival, BK Tan berkata, lebih 5,000 kilogram durian dari seluruh Malaysia akan ditawarkan pada festival itu selain menjangkakan kehadiran pengunjung berganda berbanding penganjuran kali pertama tahun lalu yang menyaksikan lebih 6,000 pengunjung hadir.

"Festival kali ini mem-

beri ladang di Pulau Pinang, Pahang, Johor dan serata Malaysia dikumpulkan di Bangi Golf Resort.

"Dari durian kampung, D24, Duri Hitam hinggalah kegemaran ramai Raja Kuning atau lebih dikenali sebagai Musang King menanti peminat durian kelak," katanya.

Selain dari pasar petani, festival itu juga akan diraikan lagi dengan acara sokongan seperti Kejobanan Dunia Durian, Larian Durian dan Konsert Raja Buah.

Larian Durian akan menyaksikan peserta berlari bersama durian di dalam padang golf di Bangi Golf Resort.

Konsert Raja Buah pula akan menghadirkan bukan saja persembahan daripada artis terkenal tanah air, malah jamuan makan malam yang dihimpunkan oleh durian.

Festival & Anugerah Durian Bangi Golf Resort tahun ini turut disokong oleh Mairi, radio rasmi Selangor FM, portal rasmi FB Buzz.com dan penaja Dulai Fruits, AgroBridge, F&B Equipments dan Terra Security Monitoring Sdn. Bhd.